

## Menjejaki Warisan Khazanah Manuskrip dan Buku Nadir Melayu di Cambridge University Library

The Cambridge University Library's Malay Manuscripts and Rare Books Collection: An Exploratory Survey

Latar ringkas sejarah pengumpulan Koleksi Melayu Richard James Wilkinson (1867-1941) dan naskhah *Hikayat Pahang* yang baharu dikenal pasti di dalam simpanannya

With an overview of Richard James Wilkinson's (1867-1941) Malay collection and a newly-identified *Hikayat Pahang* manuscript in its holdings

RAIMY CHÉ-ROSS, ZAHIR AHMAD & MOHD. TAUFIK ARRIDZO AHMAD BALWI

### ABSTRAK

*Perhatian pengkaji manuskrip dan buku nadir Melayu di Great Britain seringkali tertumpu kepada bahan yang mudah dicapai di institusi terkenal di ibu kota negara tersebut sahaja, misalnya di The British Library, School of Oriental & African Studies (SOAS) dan The Royal Asiatic Society. Sebaliknya, koleksi manuskrip dan buku nadir Melayu yang lain di United Kingdom jarang sekali diterokai pengkaji tempatan. Salah satu khazanah persuratan Melayu yang sungguh bermakna bagi warisan peradaban dunia Melayu adalah koleksi manuskrip dan buku nadir Melayu yang terpelihara di Cambridge University Library (CUL). Antara lain, koleksi ini mengandungi naskhah-naskhah manuskrip Melayu tertua di dunia dan codex unicus buku-buku cetak batu Melayu yang diperolehi dari Ceylon, Labuan dan Singapura pada suku ketiga kurun ke-19. Makalah ini berhasrat untuk memperkenalkan koleksi ini kepada khalayak baru melalui sebuah perbincangan awal mengenai 'provenance' atau latar sejarah pemilikan bahan Melayu di CUL, khususnya Koleksi Richard James Wilkinson (1867-1941). Koleksi Wilkinson ini merupakan bahan rujukan teras bagi penulisan magnum opus beliau, 'A Malay-English Dictionary' (1903), serta tulisannya dalam siri 'Papers on Malay Subjects' (1907-1911). Salah satu manuskrip yang baharu dikenal pasti judulnya di dalam koleksi Wilkinson ini pula ialah sebuah naskhah Hikayat Pahang yang tidak pernah diperkatakan secara terperinci sebelum ini. Makalah ini akan menyampaikan maklumat baru mengenainya, selain membincangkan koleksi manuskrip-manuskrip Hikayat Pahang yang diketahui keberadaannya pada ketika ini.*

*Kata kunci: Cambridge University Library; Malay manuscripts; Hikayat Pahang*

### ABSTRACT

*The attention of Malay manuscript and rare book researchers working in Great Britain is often drawn to collections in well-known and readily accessible institutions in its capital alone, namely those at The British Library, School of Oriental & African Studies (SOAS) and The Royal Asiatic Society. Similar collections elsewhere in the United Kingdom are frequently overlooked and rarely explored. One such collection is preserved in the Cambridge University Library (CUL), whose holdings contain some of the oldest Malay manuscripts extant, as well as a significant selection of early Malay lithographed codices unicus, gathered from Ceylon, Labuan and Singapore in the third quarter of the 19<sup>th</sup> century. This paper proposes to introduce the CUL's collection to a wider audience by outlining the provenance of the CUL's Malay holdings, with a particular focus on the Malay manuscripts and rare books assembled by Richard James Wilkinson (1867-1941). Together, they formed the core primary reference material for the writing of his magnum opus, 'A Malay-English Dictionary' (1903), and his contributions to the influential serial 'Papers on Malay Subjects' (1907-1911). Among the many valuable Malay manuscripts kept in Wilkinson's collection is a hitherto unidentified manuscript copy of Hikayat Pahang. New information on this important codex and other extant copies of Hikayat Pahang will be examined in the following discussion.*

*Keywords: Cambridge University Library; Malay manuscripts; Hikayat Pahang*

## PEMBUKA METERAI

Koleksi manuskrip Melayu di Cambridge University Library (CUL) merupakan koleksi yang keempat terbesar seumpamanya di United Kingdom, selepas School of Oriental & African Studies (SOAS), The Royal Asiatic Society, dan The British Library (Ricklefs, Voorhoeve & Gallop 2014). Koleksi CUL antaranya mengandungi naskhah-naskhah manuskrip Melayu tertua di dunia, naskhah-naskhah dan warkah-warkah Diraja, serta beberapa naskhah buku nadir tunggal (*codex unicus*). Himpunan buku cetak batu nadir Melayu pula merupakan salah-satu sumber terpenting bahan langka ini bagi bidang kajian persuratan, percetakan dan penerbitan Melayu<sup>1</sup>.

Kenapakah koleksi ini berada di Cambridge? Bilakah ianya diwujudkan? Bagaimana dan oleh siapakah ianya dikumpulkan? Dan apakah sebenarnya yang terkandung di dalam koleksi CUL ini? Walaupun koleksi Melayu CUL merupakan sebuah sumber yang amat bermakna kepada dunia kajian Melayu<sup>2</sup>, dan sudah diketahui kewujudannya dalam kalangan sarjana kajian Melayu semenjak akhir abad ke-19 lagi, pertanyaan sebegini masih diutarakan dan tidak terjawab sepenuhnya.

Pembentangan berikut akan berusaha untuk menelusuri soal ini melalui sebuah lakaran awal mengenai sejarah penubuhan dan pengembangan koleksi manuskrip dan buku nadir Melayu di CUL<sup>3</sup>. Perbincangan ini seterusnya akan menumpukan perhatiannya kepada kumpulan manuskrip dan buku nadir Melayu terbesar di CUL, iaitu koleksi Richard James Wilkinson (1867-1941). Antara manuskripnya yang amat berharga bagi persejarahan Melayu adalah sebuah manuskrip *Hikayat Pahang* yang tidak pernah dikenal pasti secara rasmi mahupun diteliti dengan terperinci secara ilmiah sebelum ini. Maklumat baru mengenainya akan disampaikan mengikut lunas-lunas *codicological* dan *paratextual* terkini, diikuti kesimpulan bagaimana capaian kepada koleksi CUL amnya, dan naskhah manuskrip *Hikayat Pahang* khususnya, boleh dan perlu diperluaskan bagi manfaat khalayak baru di dalam dunia Melayu.

#### KOLEKSI MANUSKRIP DAN BUKU NADIR MELAYU DI CAMBRIDGE UNIVERSITY LIBRARY

Manuskrip Melayu mula mendapat tempat di CUL lebih daripada 380 tahun dahulu, iaitu sewaktu

koleksi manuskrip Ketimuran (Oriental) milik mendiang Thomas Erpenius (1584-1624), pensyarah bahasa Timur-Tengah di Universiti Leiden dan tokoh kajian Ketimuran tersohor di Eropah, didermakan kepada CUL pada 1632<sup>4</sup>. Daripada 87 naskhah manuskrip bahasa Ketimuran yang terkandung di dalam koleksi Erpenius, 58 daripadanya terdiri daripada manuskrip berunsur Islam, dan daripada jumlah ini pula, 5 naskhah adalah manuskrip Melayu yang mengandungi 9 karya Melayu berasingan (Oates 1986:220; Robson 2000:93-94; Ricklefs & Voorhoeve 1977:111-112)<sup>5</sup>.

Kesemua manuskrip Melayu Erpenius dipercayai diperoleh dari Aceh sekitar awal tahun 1600. Yang menarik, dua daripadanya telah disalin dalam tulisan Jawi, bukannya oleh seorang penyalin peribumi, tetapi oleh pemilik asal mereka, iaitu seorang pedagang Eropah yang bernama Peter Williemsz Floris van Elbinck (m. 1615). Floris, yang pernah mengembara ke India, Aceh, Jawa dan Patani (1602-1615), telah meninggalkan sebuah jurnal berbahasa Belanda<sup>6</sup> mengenai pelayarannya ke Patani<sup>7</sup> (Moreland 1934). Tetapi minat Floris dalam bidang penulisan tidak hanya terhad kepada nukilan dalam bahasa ibundanya.

Menurut maklumat dalam kalimat penamat atau *colophon* manuskrip-manuskripnya, Floris telah mengumpul dan menuliskan sebuah kosa kata Melayu-Belanda<sup>8</sup> (CUL Gg.6.40 IV) pada 1 Jun 1604 dan selesai menyalin sebuah naskhah '*Kisah Yusuf*' (*Hikayat Nabi Yusuf*)<sup>9</sup> (CUL Dd.5.37<sup>10</sup>) pada 1 Oktober 1604, iaitu semasa beliau berada di Aceh. Sebab dan tujuan beliau menyalin dan mengumpulkan manuskrip-manuskrip ini tidak diketahui. Begitu juga soal bagaimana dan bilakah naskhah-naskhah ini jatuh ke tangan Erpenius selepas Floris meninggal dunia di London pada sekitar 25 September 1615<sup>11</sup>. Apa yang pasti ialah bahawa kelima-lima manuskrip Melayu ini telah diperoleh Erpenius sebelum beliau sendiri meninggal dunia pada 13 November 1624. *Terminus ad quem* ini bererti bahawa lima daripada manuskrip Melayu yang kini tersimpan di CUL adalah merupakan antara manuskrip-manuskrip Melayu yang tertua di dunia.

Koleksi manuskrip Erpenius kemudian telah dilelongkan balunya enam bulan selepas kematiannya. Pada awalnya, koleksi ini dipinta Universiti Leiden, tetapi rundingan mereka dengan balu Erpenius menemui jalan buntu. Manuskrip Ketimuran Erpenius akhirnya dibeli dengan harga £500 oleh Sir George Villiers, Duke of Buckingham (1592-1628)<sup>12</sup>. Buckingham pula dikatakan

telah membeli koleksi Erpenius dengan niat untuk mempersembahkannya kepada Cambridge University. Beliau kononnya ingin membina sebuah perpustakaan baru di situ sebagai tanda penghargaan buat pelantikannya ke jawatan Canselor Universiti Cambridge pada 1 Jun 1626 (Sayle 1916:62-72; Oates 1974:2-3).

Tetapi sebelum hasratnya tercapai, Buckingham telah mati dibunuh pembunuh upahan seteru politiknya pada 23 Ogos 1628. Rundingan lanjut berlarutan pula antara pihak Universiti Cambridge dengan balu Buckingham. Beliau akhirnya bersetuju untuk menyerahkan koleksi Erpenius yang dibeli mendiang suaminya kepada CUL pada 8 Jun 1632. Inilah tarikh yang menandakan detik manuskrip Melayu mula-mulanya dibawa masuk ke dalam koleksi CUL (Sayle 1916:72; Oates 1974:2).

Oleh kerana tiada sesiapa yang mengenali bahasa tulisannya, manuskrip-manuskrip Melayu ini telah disalah rakamkan sebagai manuskrip Turki sewaktu ianya diterima CUL (Oates 1986:223). *Hikayat Nabi Yusuf* misalnya disenaraikan di dalam katalog awal CUL sebagai ‘Historia Josephi filii Jacobi, Turcice’ atau ‘Sejarah Yusuf anak Ya’acob. Bahasa Turki’<sup>13</sup>. Akibatnya, manuskrip-manuskrip ini terbenam di dalam simpanan CUL selama lebih 200 tahun sehingga mereka ‘ditemui kembali’ dan dikenal pasti sebagai manuskrip Melayu pada akhir kurun ke-19 (lihat perbincangan di bawah).

Disebabkan ketiadaan pakar Bahasa Melayu di Universiti Cambridge, manuskrip Melayu hanya muncul sekali-sekala sahaja sepanjang dua abad seterusnya sebagai bahan sampingan di dalam senarai perolehan CUL. Pada 20 September 1715, King George I (1660-1727) telah mendermakan sebanyak 1,790 manuskrip yang dibelinya daripada John Moore, Bishop of Ely (1646-1714) kepada CUL. Antaranya ialah sebuah manuskrip mukhtasar hukum nikah yang mengandungi catatan antara baris dalam Bahasa Melayu (CUL Dd.9.55) (Sayle 1916:92; Ricklefs & Voorhoeve 1977:111). Kemudian, 180 tahun selepas itu pada 1895, balu Prof. Robert Lubbock Bensly (1831-1893), pakar Bahasa Hebrew serta Arab dan pustakawan CUL (1864-1876), telah mendermakan 62 manuskrip Ketimuran milik mendiang suaminya kepada CUL. Salah-satu naskhah ini mengandungi dua karya dan beberapa catatan pinggiran dalam Bahasa Melayu (CUL Add. 3240) (van Ronkel 1896:53; Dalby 1988:253-254).

Manuskrip Melayu yang tersimpan di CUL akhirnya mula mendapat perhatian ilmiah pada

sekitar waktu ini. Ia tercetus hasil dorongan cendekiawan Bahasa Arab dan Parsi termasyhur di Cambridge, Edward Granville Browne (1862-1926). Beliau mendapati bahawa koleksi manuskrip Ketimuran di CUL telah dibiarkan berkecamuk tanpa diurus oleh para pustakawan sebelumnya (Browne 1896: x-xi). Untuk mengatasi pengabaian ini, Browne telah bertekad selama empat tahun (1892-1894) untuk mengenal pasti dan menyenaraikan semula kesemua manuskrip bertulisan Arab - termasuklah manuskrip Melayu - milik CUL. Pada 1896, hasil kajian awalnya diterbitkan di dalam bentuk sebuah katalog manuskrip-manuskrip Parsi di CUL. Sewaktu menyelenggarakan katalog inilah beliau menyedari bahawa ‘most of the Malay MSS are called “Turkish”’ (ibid:xv-xxii).

Dua tahun sebelum itu, iaitu sewaktu beliau menghadiri persidangan Kongres Orientalis Kesepuluh di Geneva pada 1894, Browne telah memaklumkan kewujudan manuskrip-manuskrip Melayu di CUL ini kepada Michael Jan de Goeje (1836-1909), pakar Bahasa Arab dan Ketua Pengarang *Encyclopaedia of Islam* di Universiti Leiden. Teruja dengan khabar ini, de Goeje langsung mencadangkan kepada Philippus Samuel van Ronkel (1870-1954), yang sedang menyiapkan disertasi kedoktorannya terhadap *Hikayat Amir Hamzah* di Leiden (1895)<sup>14</sup>, untuk meneliti manuskrip-manuskrip di CUL. Menurut van Ronkel (1896:6-7),

*‘I was delighted to accept the proposal, and the Direction [sic] of the Cambridge Library [sic] consented to the sending of the books, one at a time. In this manner, I had the opportunity of investigating each of the manuscripts in turn’.*

Dengan kemudahan luar biasa yang diberikan kepadanya ini, van Ronkel telah menghasilkan sebuah laporan ringkas yang membincangkan kesemua manuskrip Melayu yang tersimpan di CUL pada ketika itu. Makalahnya yang bertajuk ‘Account of Six Malay Manuscripts of the Cambridge University Library’ telah diterbitkan *Bijdragen tot de Taal-, Land-, en Volkenkunde van het Koninklijk Instituut* pada 1896. Ia merupakan kali pertama kewujudan simpanan naskhah Melayu CUL dimaklumkan secara meluas kepada khalayak dunia kajian Melayu.

Ia tidak dapat dipastikan sama ada beliau telah dipengaruhi makalah van Ronkel, atau kerana beliau sudah lama berniat demikian – sebagai ahli alumni Cambridge – tetapi empat tahun kemudian pada 1900, Richard James Wilkinson (1867-1941)<sup>15</sup>

telah mendermakan keseluruhan koleksi Melayunya kepada CUL. Sedekad selepas itu, Wilkinson menyampaikan beberapa manuskrip Melayu lagi kepada CUL (lihat perbincangan di bawah). Secara keseluruhannya, sumbangan Wilkinson merupakan derma terbesar bahan Melayu kepada CUL.

Perolehan koleksi Melayu yang kedua terbesar oleh CUL dibuat pada 1910. Ia juga merupakan perolehan besar bahan Melayu yang terakhir oleh institusi ini. Koleksi ini pada asalnya dikumpulkan oleh Major Tankerville James Chamberlayne (1844-1909), seorang bangsawan Irish dan bekas anggota askar Ceylon Rifles Regiment (CRR). Himpunan Melayu Chamberlayne yang meliputi 16 manuskrip dan 42 buku cetak batu (termasuk sebilangan besar *codex unicus*), telah dikumpulkan sewaktu beliau bertugas bersama CRR di Ceylon, Singapura dan Labuan. Kesemua manuskrip dan buku Melayu Chamberlayne telah dibeli secara borong oleh CUL daripada seorang penjual buku lama di pekan Cambridge, Gustave David (1860-1936)<sup>16</sup>. Sebelum itu, David telah membidanya daripada jualan perpustakaan mendiang Chamberlayne, yang dikelolakan firma pelelong buku terkenal di London, Messrs. Hodgsons & Co., pada 1 Disember 1910. Antara naskhah berharga di dalam koleksi Chamberlayne ialah sebuah manuskrip *Hikayat Amir Hamzah* (CUL Or. 846) beriluminasi emas bekas tangan pnyalin dan rakan sekerja Munsyi Abdullah, Hussein bin Ismail, orang Bugis Toh Bilawa.

Dengan adanya kesedaran mengenai kepentingan bahan Melayu kepunyaan mereka, serta dorongan dan minat pakar seperti Browne dan Skeat di Cambridge (lihat perbincangan di bawah), pihak CUL mula memperoleh manuskrip Melayu apabila ianya ditawarkan kepada mereka (dan jika mereka mampu membelinya), atau bila peluang untuk mendapatkannya muncul sekali-sekala. Kegiatan pengumpulan ini bagaimanapun tidak dilakukan secara aktif, kerana Bahasa Melayu dan kajian Melayu tidak pernah diajar di Cambridge.

Bilangan perolehan manuskrip Melayu CUL pun mula berkurangan selepas Perang Dunia I (1914-1917). Dalam tempoh lapan dekad antara 1905-1976, CUL hanya membeli 27 manuskrip Melayu<sup>17</sup>, termasuk 16 manuskrip Chamberlayne yang dibeli pada 1910-1911. Manuskrip Melayu yang diperolehi CUL kemudian, telah diterima oleh mereka sebagai sumbangan derma orang-perseorangan daripada bahan sampingan koleksi manuskrip Ketimuran mereka. Kali terakhir CUL membeli manuskrip

Melayu; iaitu CUL Or. 2199 *Hikayat Badiuzzaman* dan CUL Or. 2200 *Hikayat Ahmad Muhammad*, ialah daripada sebuah kedai buku di Oxford pada 1976 (Grinter 1979:31-32).

#### KOLEKSI MANUSKRIP DAN BUKU NADIR MELAYU WILKINSON DI CAMBRIDGE UNIVERSITY LIBRARY

Seperti yang diperkatakan di atas, koleksi bahan Melayu terbesar CUL merupakan hasil derma Richard James Wilkinson (1867-1941); bekas Setiausaha Kerajaan Negeri & Timbalan Residen Perak dan Residen Negeri Sembilan, Mudir Sekolah-Sekolah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS), Pemangku Gabenor Negeri-Negeri Selat (1914), salah seorang pengasas Sultan Idris Training College (SITC) Tanjung Malim (1922) dan Malay College Kuala Kangsar (MCKK) (1905), pengarang makalah mengenai sejarah, bahasa, sistem kerajaan dan kebudayaan Melayu di bawah siri *Papers on Malay Subjects*<sup>18</sup> dan di dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (JSBRAS) & *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* (Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society), serta pengarang buku *A History of Perak* (1934) bersama Winstedt, dan penulis karya besarnya sendiri, *A Malay-English Dictionary* (Wilkinson 1902:1932).

Berita mengenai sumbangan ‘a very valuable gift to the Library’ oleh Wilkinson ini mendapat sambutan hebat pihak Cambridge University, dan rakaman penghargaan rasmi mereka telah dilaporkan *Cambridge University Reporter* keluaran 13 November 1900. Menurut warta kampus tersebut, cadangan pendermaan koleksi Melayu Wilkinson telah disampaikan melalui rakan karibnya, Walter William Skeat<sup>19</sup> (1866-1953), yang memaklumkan kepada pihak Cambridge University bahawa Wilkinson, seorang alumni Trinity College, akan menghadihkan keseluruhan koleksi Melayunya yang berjumlah sebanyak 63<sup>20</sup> manuskrip dan kira-kira 50 naskhah bercetak, kepada CUL. Wilkinson berbuat demikian bagi memastikan agar ianya akan dapat dipelihara dengan baik sebagai khazanah buat masa hadapan, kerana katanya,

*‘As you know, all the manuscripts and some of the books are very difficult to obtain; and the old literature is perishing. In a few years, the possibility of collecting specimens of the old literature will have quite passed away’*

(Report of the Library Syndicate 1900:200).

Skeat mengutarakan pendapat sama, dan mengesyorkan pihak Universiti Cambridge bahawa,

*'... in accepting this most generous offer they will be securing to themselves as adequate and representative a collection of standard Malay literature as it is now possible to obtain'*

(ibid).

Bagi memenuhi hasratnya agar koleksi ini akan diterima oleh CUL, Wilkinson sendiri telah membiayai kos penghantarannya melalui kapal laut dari Singapura ke Cambridge.

Menurut Browne (1922:275-287), Wilkinson menjanjikan dua lagi manuskrip untuk didermakan kepada CUL. Oleh kerana itu, Browne telah mengasingkan dua nombor katalog; Add. 3817 dan Add. 3818, bagi menyambut penerimaan manuskrip-manuskrip ini. Tetapi derma kedua Wilkinson ini hanya sempat dikirim pada 1910, iaitu sedekad selepas derma pertamanya. Bagi derma kedua dan terakhir ini pula, Wilkinson telah menyampaikan 4 manuskrip kepada CUL: Or. 832 *Misa Melayu*<sup>21</sup> salinan di-raja kurniaan Sultan Idris Murshidul Adzam Shah Perak Darul Ridzuan (1887-1916), Or. 833 *Hikayat Pahang* salinan di-raja kurniaan Sultan Ahmad Shah Pahang Darul Makmur (1882-1914), Or. 834 *Hikayat Raja Iskandar* dan Or. 835 *Hikayat Dewa Mandu*.

Mengenai asal-usul koleksi beliau ini, Wilkinson (1932: i-ii) menyatakan bahawa benihnya mula tersemai pada 1895. Pada waktu itu, beliau telah dipelawa Skeat, sahabat universitinya di Cambridge, untuk sama-sama mengarang sebuah kamus Melayu-Inggeris bagi kegunaan pegawai British yang wajib lulus ujian Bahasa Melayu untuk menjamin kenaikan pangkat mereka di dalam perkhidmatan Malayan Civil Service (MCS) (Gullick 2001:26-27). Wilkinson, yang pada masa itu menyandang jawatan Setiausaha Kehormat Straits Branch of the Royal Asiatic Society, bersetuju dengan cadangan Skeat. Malangnya, Skeat terpaksa menarik diri apabila beliau mengubah tuju-hala kerjayanya ke bidang antropologi dunia Melayu. Namun begitu, Wilkinson tetap meneruskan kerja perkamusan ini, walaupun beliau menghadapi berbagai rintangan pada awalnya,

*"My troubles began early. Much of the best Malay literature was unprinted and could only be studied in manuscript at places like London, Leyden and Batavia. Fresh MSS had to be procured, if possible. On my paying good prices many texts came my way. They included two copies of the Hikayat Koris ... one of the Chekel Waneng Pati (of which only one other version is known); one of the Hikayat Bestammam [sic] – since printed, but of which no library then owned a copy; three of the*

*Sang Samba; four each of the Parang Puting and Putra Jaya Pati; and others"*

(Wilkinson 1932: ii).

Wilkinson mula menyedari bahawa salinan manuskrip-manuskrip yang dibelinya ini amat bernilai baik daripada segi bahasa mahupun tajuk isi kandungan dan rupa zahirnya sekali,

*"One Panji romance was written on Javan vegetable parchment; one treatise on letter-writing contained the forms to use when inditing a letter to the captain of an East-Indiaman; most interesting of all to me was a version of the Hikayat Iskandar Dzulkarnain containing an account of Alexander's meeting with the Gymnosophists, a tale differing hardly at all from the original Greek of 1800 years before"*

(ibid).

Selain manuskrip, Wilkinson telah mengumpulkan lebih daripada 50 naskhah buku cetak batu yang kini merupakan antara naskhah Melayu paling nadir di dalam korpus sejarah penerbitan Melayu<sup>22</sup>.

Pemilihan perkataan dan contoh penggunaannya daripada bahan-bahan ini pula telah dilaksanakan di bawah panduan seorang Munsyi Melayu dari Singapura, Encik Zainal Abidin bin Kasim. Menurut Wilkinson, Encik Zainal Abidin telah bertemu dengan beliau setiap petang untuk membacakan karya-karya Melayu ini kepadanya. Kemudian, Wilkinson akan mencatatkan mana-mana perkataan atau ungkapan yang menarik minatnya, *"along with the book and page where it occurred. In this way, a large number of words were collected and their meanings verified"* (ibid). Melalui kaedah ini, *Hikayat Abdullah* sahaja telah menjanakan 15,000 patah perkataan bagi daftar masukan kamusnya (Gullick 2001:36). Ringkasnya, manuskrip dan buku Melayu yang dikumpulkannya sendiri inilah yang menjadi batu-batu asas bagi kamus besar Wilkinson.

Maka tidak hairanlah bila pihak CUL mengalulakan penerimaan koleksi Melayu Wilkinson dengan menyatakan bahawa mereka 'are convinced of the great value and importance of the collection thus generously entrusted to the University' (Report of the Library Syndicate 1900:200). Malah, sumbangan ini dengan sekali gus telah menaikkan taraf jumlah dan mutu koleksi Melayu CUL ke peringkat koleksi antarabangsa, setara dengan koleksi lain di Eropah pada zaman itu, misalnya di Perancis, Belgium dan Jerman, walaupun jumlah bilangan naskhah berasingan CUL masih kecil berbanding koleksi lain di Great Britain, Belanda dan Betawi.

Setelah keghairahan awal yang menyambut kedatangannya mereda, koleksi Wilkinson, berserta

bahan Melayu lain di dalam simpanan CUL, mula dilanda pengabaian sekali lagi, sebagaimana yang pernah dialami manuskrip Erpenius sebelumnya,

*“The Malay MSS, of which there are a considerable number (including some threescore, numbered Add. 3755 to Add. 3816, presented by R.J. Wilkinson in November 1900), have fared worse than they deserve, being mentioned only under their class-marks ... without title or description. As there is at present no one in this University who is conversant with the Malay language, I endeavoured to obtain the help of some competent scholar from outside, but unhappily, in vain; so that they still await the attention of some student possessing the necessary qualifications and leisure for dealing with them”*

(Browne 1922: vii-viii).

Browne menambah,

*“These Malay MSS remain undescribed for lack of any available scholar competent and willing to deal with them”*

(ibid: 274).

Keluhan Browne ini telah diluahkan lebih dua puluh tahun selepas koleksi Wilkinson diterima masuk ke dalam CUL.

Namun begitu, kelompongan ini tidak berpanjangan kerana tidak lama kemudian, van Ronkel (1925) pula muncul kembali. Kali ini, beliau menerbitkan senarai keterangan ringkas dalam Bahasa Belanda mengenai beberapa manuskrip terpilih dari koleksi Wilkinson. Walaupun begitu, van Ronkel telah mengutarakan pendapatnya yang agak memperlekehkan nilai sumbangan Wilkinson, selain menyampaikan butiran salah mengenainya,

*“... the [CUL] collection has been added to and enriched owing to donations made by R.J. Wilkinson, the distinguished compiler of the great Malay-English Dictionary. This gift consists of some twenty manuscripts, mostly modern copies, of tales and romances of the usual elaborate kind ... Generally speaking, Mr. Wilkinson's donation to the Cambridge University Library proves a disappointment, especially since most of the texts are transcripts of comparative recent date, but the name of the donor, the importance of the Cambridge Library [sic], and the desirability of a description of this new acquisition would appear, in the present writer's opinion, to render a notice in the records of this Academy not without interest”*

(van Ronkel 1925:198).

Terdapat beberapa kekhilafan di dalam kenyataan van Ronkel ini. Wilkinson telah mendermakan sebanyak 65 manuskrip kesemuanya, bukannya ‘kira-kira dua puluh’ sahaja. Dan walaupun ianya dianggap cuma ‘salinan moden’ pada ketika itu, beberapa manuskrip dan buku nadir Melayu Wilkinson merupakan antara salinan terbaik yang masih wujud bagi tajuk karya berkenaan<sup>23</sup>.

Sikap van Ronkel yang meremehkan sumbangan Wilkinson ini menghairankan, bila van Ronkel sendiri mengetahui bahawa hampir keseluruhan perpustakaan dan kertas-kertas peribadi Wilkinson yang disimpan dalam persaraannya di kota Smyrna (sekarang Izmir), Turki, telah habis dimusnahkan para askar upahan Uthmaniyyah, Bashi-Bazouk, ketika mereka menyerang kawasan tempat tinggal Wilkinson pada 1922 (Wilkinson 1932: i-iii; van Ronkel 1925:1-2; Gullick 2001:36-37). Hakikatnya, jika koleksi Melayu Wilkinson tidak didermakan kepada CUL sebelum itu, dunia kesusasteraan Melayu sudah pasti kehilangan sebuah lagi khazanah persuratannya.

Sama ada dipengaruhi penilaian negatif van Ronkel atau kerana ianya tidak begitu mudah dicapai berbanding koleksi-koleksi lain seumpamanya di London, pengabaian koleksi Melayu CUL tetap berterusan. Selang dua Perang Dunia dan hampir tujuh dekad terpaksa berlalu sebelum koleksi Melayu CUL akhirnya menarik (sedikit) perhatian para sarjana kajian Melayu. Antara lain, koleksi manuskrip Melayu CUL telah dirujuk Mohamed Taib (1972), ditinjau secara ringkas beberapa pengkaji dari SOAS (Grinter 1979; Jones 1979, 1981), dan disenaraikan Ricklefs & Voorhoeve (1977)<sup>24</sup>.

Tetapi sebahagian besar koleksi Melayu CUL, dan khususnya koleksi Wilkinson, masih belum ditangani secara tuntas, kemas dan ikhtisas. Manuskrip-manuskrip Melayu yang penting dan berharga di dalamnya tetap terpelihara baik, tetapi masih sepi dan menyendiri<sup>25</sup>. Antaranya adalah satu salinan manuskrip sebuah karya agung Melayu, *Hikayat Pahang*.

#### KEMELUT HIKAYAT PAHANG: ANTARA NASKHAH ASAL DAN SALINAN PENDUA

Lebih dua dekad sudah berlalu semenjak kali terakhir kewujudan dan keberadaan naskhah-naskhah *Hikayat Pahang* pernah dibincangkan secara mendalam oleh mana-mana pihak. Pada masa itu, Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (1992:6-10) mengatakan bahawa *Hikayat Pahang* hanya wujud dalam bentuk ‘tiga buah naskhah’ sahaja<sup>26</sup>. Kenyataan ini perlu ditimbang kembali, kerana apa yang sebenarnya dirujuk mereka hanyalah dua salinan pendua; satu mikrofilem dan satu fotokopi, dan satu manuskrip asal bertulisan Jawi; iaitu naskhah di Muzium Sultan Abu Bakar (MSAB), Pekan, Pahang Darul Makmur (ibid: 6).

Ertinya, hanya satu sahaja salinan manuskrip asal *Hikayat Pahang* yang diketahui sehingga awal 1990-an. Yang selebihnya cuma salinan pendua.

Hasil pengamatan terbaru kini mendapati bahawa teks-teks dan versi-versi *Hikayat Pahang*

terpelihara di dalam sekurang-kurangnya dua puluh satu bahan berasingan berbentuk manuskrip asal dan salinan pendua<sup>27</sup>, atau tujuh kali ganda daripada apa yang diketahui dahulu<sup>28</sup>:

a. SALINAN JAWI (Tulisan Tangan)

Tempat Simpanan / Bekas Pemilik

1. Cambridge University Library
2. Muzium Sultan Abu Bakar Pekan Pahang
3. Perpustakaan Utama UM
4. Perpustakaan Utama UM
5. Perpustakaan Peringatan Zaba (PPZ) UM
6. Dewan Bahasa & Pustaka Malaysia
7. Dewan Bahasa & Pustaka Malaysia
8. Dewan Bahasa & Pustaka Malaysia
9. Perpustakaan Negara Malaysia
10. Perpustakaan Negara Malaysia
11. Perpustakaan Negara Malaysia
12. National Library of Singapore
13. National Library of Singapore
14. National University of Singapore
15. Arkib Negara Malaysia
16. Haji Muhammad Noor

Nombor Katalog / Bentuk Naskhah

- CUL Or. 833. Manuskrip Asal Tulisan Tangan.  
No. 01114. Manuskrip Asal Tulisan Tangan<sup>29</sup>.  
UM Mikrofilem 937<sup>30</sup>.  
PL 5110.3 HP<sup>31</sup>. Fotokopi.  
PL 5110.3 HP<sup>32</sup>. Fotokopi.  
Mikrofilem 1140 (Negatif)<sup>33</sup>.  
Mikrofilem 1805 (Positif). Rosak<sup>34</sup>.  
Mikrofilem 937 (Negatif). Rosak<sup>35</sup>.  
Mikrofilem 4837. Tidak lengkap<sup>36</sup>.  
Mikrofilem 1364.  
Mikrofilem 3373.  
Mikrofilem NL 1882.  
Mikrofilem NL 24114.  
Mikrofilem NUS PL 5133.1 Hes<sup>37</sup>.  
ANM 2008/0003079. Fotokopi. Terhad<sup>38</sup>.  
Hilang<sup>39</sup>. Manuskrip Tulisan Tangan.

b. SALINAN RUMI (Bertaip)

Tempat Simpanan / Bekas Pemilik

17. National Library of Singapore
18. Perpustakaan Utama UM
19. Arkib Negara Malaysia
20. Tengku Besar Pahang
21. William Linehan

Nombor Katalog / Bentuk Naskhah

- NLS RBM 959.5 HIK. Manuskrip bertaip.  
UM MS 201<sup>40</sup>. Fotokopi. Bertaip.  
Hilang<sup>41</sup>. Fotokopi. Bertaip.  
Tidak Lengkap/Hilang<sup>42</sup>. Manuskrip bertaip.  
Hilang<sup>43</sup>. Manuskrip bertaip.

Daripada kesemua naskhah yang masih wujud, hanya tiga sahaja merupakan manuskrip asal, manakala yang satu lagi adalah naskhah pendua daripada awal/pertengahan kurun ke-20; iaitu dua manuskrip asal bertulisan Jawi; (1) CUL Or. 833 & (2) MSAB No. 01114, dan dua manuskrip asal bertaip Rumi; satu dalam bentuk aslinya daripada sekitar 1920an, dan satu salinan pendua berbentuk salinan fotokopi dari sekitar 1940-1960an; (17) National Library of Singapore (NLS RBM 959.5 HIK) & (18) Perpustakaan Utama UM (UM MS 201)<sup>44</sup>.

Sewaktu kerja-kerja penyelaraiannya ini dijalankan, satu penemuan menarik dan penting telah timbul mengenai manuskrip salinan bertaip Rumi *Hikayat Pahang* milik National Library of Singapore (17). Setelah menyelidiki unsur-unsur

*provenance*, *paratextual* dan *codicology*-nya, hasil kajian mendapati bahawa manuskrip inilah sebenarnya naskhah salinan bertaip Rumi *Hikayat Pahang* milik Winstedt (Linehan 1926:338 nota kaki 2), dan bukannya naskhah ANM atau MSAB sepertimana yang diandaikan Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (1992:9).

Naskhah manuskrip-manuskrip *Hikayat Pahang* yang selebihnya hanyalah merupakan salinan yang pernah diketahui/dinyatakan kewujudannya, atau yang terpelihara di dalam bentuk fotokopi atau mikrofilem sahaja. Ia termasuk manuskrip Jawi 'Naskhah A' *sigla* Kalthum (1986: iii-v) dan 'Naskhah C' oleh Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (1992:8-9). 'Naskhah C' pula kini hanya wujud dalam bentuk mikrofilem, kerana

manuskrip asalnya tidak diketahui dari mana ianya diperoleh dan ke manakah ianya dikembalikan setelah pihak UM menyalinkannya pada sekitar tahun 1960-an<sup>45</sup>.

Keciciran bahan dasar/asal bagi kedua-dua sumber rujukan utama Kalthum (1986); iaitu kelenyapan manuskrip Jawi asal 'Naskhah A' yang baru dikatakan tadi, dan ketiadaan 'Naskhah B' di dalam penjagaan ANM (sila lihat catatan kaki), adalah kehilangan besar kepada dunia manuskrip Melayu amnya, dan persejaraan negeri Pahang Darul Makmur khususnya.

Gejala ini menggariskan betapa perlu dan mustahaknya untuk mengkaji dan memelihara naskhah-naskhah manuskrip asal *Hikayat Pahang* yang ada, khususnya manuskrip asal Jawinya yang kini cuma tinggal dua sahaja yang diketahui kewujudannya di dunia. Lebih-lebih lagi memandangkan bahawa kedua-dua naskhah yang dikenal pasti ini tidak pernah diteliti dengan sewajarnya, baik daripada segi *provenance*, *codicology* dan *paratextual* mahupun isi kandungannya sendiri, terutamanya naskhah CUL Or. 833.

#### CUL OR. 833: MANUSKRIP *HIKAYAT PAHANG* DI CAMBRIDGE UNIVERSITY LIBRARY

Walaupun ia pernah dirujuk sepintas lalu oleh Mohamed Taib Osman (1972:76); daripada maklumat yang disampaikan kepadanya oleh Voorhoeve, dijadikan bahan dasar ijazah sarjana; berdasarkan DBP Mikrofilem 1140 (Siti Zariah Saring 1999), dan disenaraikan pula oleh Jelani Harun (2003:77); berpandukan Ricklefs & Voorhoeve (1977:119), kepentingan manuskrip CUL Or. 833 ini boleh dikatakan tidak disedari oleh mana-mana pihak sebelum ini.

Baik Mohamed Taib (1972) dan Jelani (2003) mahupun penyelenggara edisi baru katalog Ricklefs & Voorhoeve (Ricklefs, Voorhoeve & Gallop 2014:119) ternyata tidak mengetahui bahawa ia merupakan sebuah salinan *Hikayat Pahang*. Manuskrip ini juga pernah dijadikan bahan kajian sebuah tesis ijazah sarjana di Universiti Malaya (Siti Zariah 1999). Tetapi tesis ini hanya merumikan isi kandungan manuskrip ini tanpa menyelidiki latar belakang naskhahnya sendiri. Maka tidak menghairankanlah bila tokoh semasa di dalam bidang kajian sejarah Pahang Darul Makmur berpendapat bahawa 'Kehadiran *Hikayat Pahang*

dalam kelompok hasil penulisan klasik masih belum pernah dikaji secara serius. Hikayat ini sendiri tidak begitu jelas proses dan sejarah penciptaannya' (Yaakub 2010: xi).

Jawapan ringkas kepada sebahagian besar persoalan-persoalan ini dapat dirungkai melalui pengupasan latar *provenance*, ciri-ciri *codicology* dan unsur-unsur *paratextuality* yang diabadikan CUL Or. 833, sebagaimana yang akan diringkaskan berikut.

Usaha untuk menentukan *provenance* CUL Or. 833 banyak dibantu rekod perolehan yang disimpan baik pihak CUL, terutamanya senarai perolehan koleksi Wilkinson yang dikumpulkan Wilkinson, Skeat dan bekas Setiausaha CUL, Harry Gidney Aldis (1863-1919). Menurut catatan mereka, CUL Or. 833 mengandungi 'A history of the family of the present Sultan of Pahang', iaitu Sultan Ahmad Shah (1882-1914). Kata mereka lagi, manuskrip ini pada asalnya telah "Presented by the Sultan to Sir. W. Treacher<sup>46</sup> when Resident-General. Sir William passed it on to me (R.J.W)."<sup>47</sup>. Selain menerangkan bahawa CUL Or. 833 merupakan hadiah di-raja yang dikurniakan kepada Treacher oleh Sultan Ahmad Shah sendiri, ia juga memberikan *terminus ad quem* kepada CUL Or. 833, iaitu semasa Treacher sedang menyandang jawatannya sebagai Residen-Jeneral Kedua Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS) (1901-1904). Ini bererti bahawa penulisan *Hikayat Pahang* telah dimulakan sekurang-kurangnya sedekad lebih awal (1900an) daripada apa yang diandaikan sebelum ini (1910-an) (Linehan 1926:338 nota kaki 2).

Dari segi unsur *codicology* dan *paratextuality*-nya pula, penelitian secara langsung terhadap manuskrip asal CUL Or. 833 telah menghasilkan beberapa penemuan yang tidak diduga.

Pertama, manuskrip ini didapati mengandungi salinan *Hikayat Pahang* yang lebih kemas dan lengkap, dengan jalan serta isi cerita dan gaya bahasa yang lebih elok, terperinci dan teliti, berbanding dengan salinan-salinan *Hikayat Pahang* lain yang pernah dikaji sebelum ini.

Kedua, keseluruhan manuskrip ini jelas ditulis/salin oleh penulis/penyalin yang sama, dan ketelitian khat serta gaya penulisannya menandakan bahawa penulis/penyalinnya merupakan seorang yang berpendidikan dan yakin dengan kebolehan penulisan/penyalinannya. Malah, ciri-ciri gaya penulisan monolog batin yang tersirat di dalam teksnya pula mencadangkan bahawa penyalin manuskrip ini kemungkinan besar merupakan pengarang/penulisnya juga.



Ketiga, catatan *marginalia* serta pembetulan yang tercatat pada halaman kosong di sekeliling teks utamanya menunjukkan bahawa manuskrip ini telah dibandingkan dengan sebuah manuskrip *Hikayat Pahang* yang lain. Jadi, terdapat sebuah lagi manuskrip *Hikayat Pahang* yang perlu ditambah kepada senarai manuskrip *Hikayat Pahang* yang sedia ada.

Keempat, CUL Or. 833 mengandungi catatan lama yang telah ditulis dengan pensel pada pinggir jidarnya, yang membahagikan jalan ceritanya kepada beberapa bahagian bernombor '1' hingga ke '216'. Bahagian akhir yang sepatutnya ditandai angka '217' dibiarkan kosong. Catatan pensel ini tidak dapat dilihat dengan mudah dalam salinan mikrofilem dan fotokopi manuskrip ini.

Berkaitan perkara ini, para pengkaji dahulu mengatakan bahawa salinan bertaip Rumi *Hikayat Pahang* mengandungi lebih 200 muka surat, atau lebih tepat lagi 217 halaman (Linehan 1926:338 nota kaki 2; Kalthum Jeran 1986:iv; Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath 1992:7). Ricklefs & Voorhoeve (1977:119) pula mencatatkan bahawa CUL Or. 833 telah disalin 'from a MS of 216pp', tanpa memberikan sebab mengapa mereka berkata demikian (lihat Rajah 2).

Harus diingatkan di sini bahawa CUL Or. 833 telah dihasilkan jauh lebih awal sebelum salinan Ruminya, yang hanya muncul pada sekitar tahun 1910-an-20-an. Sebaliknya, dan seperti yang diperkatakan di atas, CUL Or. 833 sudah pun wujud semenjak sekitar 1900-an lagi. Dan setelah mengamati manuskrip asalnya di CUL, ulasan Ricklefs & Voorhoeve nampaknya hanya dibuat berpandukan catatan pensel yang diperkatakan tadi sahaja, iaitu penomboran bahagiannya dari '1'-'216'<sup>48</sup>.

Perbandingan penomboran/pembahagian ini telah membawakan satu lagi penemuan yang amat penting. Pecahan bahagian isi kandungan CUL Or. 833 yang ditandakan dengan pensel adalah sepadan dengan pembahagian setiap helai halaman berasingan salinan-salinan bertaip Rumi *Hikayat Pahang*. Dan apabila isi kandungan CUL Or. 833 dibandingkan dengan salinan-salinan bertaip Rumi *Hikayat Pahang*, isi kandungan mereka rata-ratanya sama, kecuali beberapa perbezaan kecil di dalam ejaan dan penambahan umum di dalam salinan-salinan bertaip Ruminya.

Pendeknya, *Hikayat Pahang* naskhah-naskhah bertaip Rumi-lah yang sebenarnya disalin daripada sebuah manuskrip dengan '216' [217] muka surat,

dan bukannya CUL Or. 833 yang disalin daripada satu manuskrip dengan '216' [217] muka surat. Dan setelah menimbang unsur-unsur isi kandungan, *provenance*, *codicology* dan *paratextual* CUL Or. 833 secara menyeluruh dan bersama, tidak dapat disyaki lagi bahawa CUL Or. 833 inilah sebetulnya naskhah salinan contoh bagi salinan-salinan bertaip Rumi *Hikayat Pahang*.

Ini bererti bahawa CUL Or. 833 adalah naskhah *Hikayat Pahang* tertua yang wujud pada ketika ini. Dan ia memberikan keyakinan bahawa CUL Or. 833 merupakan naskhah contoh *Hikayat Pahang* yang paling dekat kepada naskhah asalnya. Kesimpulan ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa mengambil pendekatan yang baru dalam meneliti manuskrip CUL Or. 833 daripada sudut *provenance*, *codicology* dan *paratextual*-nya secara tepat dan padat.

## RUMUSAN

Sudah pasti ianya mustahil untuk menyampaikan keseluruhan ruang lingkup hampir setengah alaf perjalanan sejarah koleksi Melayu CUL menerusi perbincangan ringkas ini. Dan mustahil juga untuk menyelusur segala ciri-ciri bahan-bahannya melalui beberapa perenggan makalah ini sahaja. Tetapi dengan menggabungkan kaedah tradisi (kajian dan penyuntingan teks) dengan pendekatan baru (penimbangan unsur-unsur *provenance*, *codicology* dan *paratextuality* secara menyeluruh) yang ditampilkan sekilas lalu di sini, jelas bahawa penerapan sebuah gagasan bersepadu dalam menghayati koleksi Melayu CUL terbukti berupaya untuk memacu dan menjanakan pembaharuan yang bakal membuka minda kepada peluang dan cabaran *revolutionary* dalam menangani bidang penelaahan manuskrip Melayu secara berwibawa, bermakna lagi berkesan.

Usaha ini cukup mendesak dan perlu bila ianya disadari bahawa koleksi CUL kian terabai dan tidak banyak menarik perhatian para pengkaji tempatan. Justeru itu, bidang kajian Melayu terputus daripada sumber-sumber utama di repositori ini yang berkemampuan untuk menerangi detik-detik permulaan hubungan dunia ilmiah Barat dengan peradaban alam Melayu, dan asal-muasal sumbangan pengaruh dunia Melayu kepada perkembangan tamadun Barat.

Dan selagi pengabaian ini dibiarkan berterusan, selama itulah bidang pernaskahan Melayu hanya terdaya untuk mengharap dan bergantung kepada

usaha pihak luar dan pengantara kedua semata-mata, yang kadang kalanya tidak berkemampuan untuk memahami atau memenuhi tuntutan keperluan terkini. Adakah sekadar ini sahaja yang boleh dan mahu dilakukan?

Penyelidikan yang sedang dilaksanakan terhadap latar sejarah koleksi Wilkinson dan penyuntingan menyeluruh ke atas CUL Or. 833 hanyalah satu langkah kecil ke arah merapatkan jurang pengabaian ini. Moga-moga ia berupaya untuk meluaskan ruang penerokaan seterusnya bagi merintis hala tuju baru dalam menjejaki khazanah gemilang warisan manuskrip Melayu.

#### NOTA

- 1 Maklumat yang terkandung di dalam kertas kerja ini dipetik daripada hasil interim tiga kajian yang sedang dilaksanakan penulis utama; katalog yang disebutkan di dalam abstrak di atas, penyelidikan terhadap koleksi Chamberlayne yang akan diperkatakan di bawah, dan disertasi ijazah sarjananya mengenai soal naskhah dan permashkahan *Hikayat Pahang*, di bawah penyeliaan Prof. Madya Dr. Zahir Ahmad dan Dr. Mohd. Taufik Arridzo Ahmad Balwi di Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya.
- 2 Malah menurut Ahmad Sarji (Fox, Warrior & Jenkins 2010:34); 'The rich Commonwealth collections at Cambridge University Library are a window into the life, history and heritage of the countries of the Commonwealth, which make up such an important part of the world and its people. When I use these collections, I appreciate the importance of great libraries such as this one in preserving the memory of mankind'. Walaupun beliau tidak merujuk kepadanya, pandangan yang sama boleh diperkatakan mengenai koleksi Melayu yang terpelihara di institusi ini.
- 3 Selain daripada CUL, terdapat dua lagi institusi di bandar kota Cambridge yang memiliki manuskrip dan buku Melayu nadir di dalam koleksi mereka, iaitu The Ancient India & Iran Trust (AIIT): sebanyak enam manuskrip dan kira-kira tiga puluh buku cetak batu, dan Emmanuel College: satu naskhah *Hikayat Muhammad Hanafiyyah* yang berusia lebih-kurang 300 tahun (Brakel 1975:72-89). Bagi maklumat ringkas mengenai bahan-bahan di AIIT, sila rujuk Grinter (1979), Jones (1979), Ricklefs, Voorhoeve & Gallop (2014:290-292), dan *Addenda* atas talian kepada Proudfoot (1993): <http://mcp.anu.edu.au/proudfoot/EMPB/web/1280.html>. Kemungkinan besar ada juga bahan Melayu yang tersimpan di dalam koleksi Fitzwilliam Museum, tetapi peluang belum kesampaian untuk memeriksa senarai kandungan simpanan (inventory list) muzium ini. Harap maklum bahawa perbincangan ini tidak meliputi bahan Melayu yang tersimpan di dalam koleksi berlainan yang terpelihara di dalam bangunan CUL, iaitu koleksi Royal Commonwealth Society (RCS) dan British Foreign Bible Society (BFBS).
- 4 Selain CUL, manuskrip-manuskrip Erpenius juga ada tersimpan di Oxford dan Leiden.

- 5 Untuk maklumat lanjut mengenai manuskrip-manuskrip ini, sila lihat van Ronkel (1896), Shellbear (1898), Juynboll (1931), Oates (1974), al-Attas (1988:1-5) & Bertrand (2013), dan khususnya Browne (1896:xii-xxii), Mahayudin (2000) serta Riddell (2001:150-160, 2015).
- 6 Tajuk asal jurnal manuskrip ini ialah 'Peeter Williamson Floris. His Journall for the 7<sup>th</sup> Viage. Translated out of Dutch. Who arrived in England Anno 1615 & died 2 monethes after his said arrivall in London' (ejaan asalnya dikekalkan). Manuskrip ini boleh dirujuk di The British Library (Asian & African Studies), Nombor Katalog L/MAR/A/XIII.
- 7 Beberapa peristiwa yang diceritakan di dalam jurnal ini ada terakam di dalam *Hikayat Patani* (Robson 2000:92-93).
- 8 Mengenai kosa kata ini, lihat Gibson-Hill (1953). Floris juga telah menulis sebuah senarai abjad Telugu yang kini dijilidkan di dalam naskhah yang sama.
- 9 Sila rujuk Ali (1999) untuk perbincangan mengenai *Hikayat Nabi Yusuf* di dalam Kesusasteraan Melayu.
- 10 Untuk gambar manuskrip ini, sila lihat Farouk (2016:46).
- 11 Untuk riwayat hidup Floris, sila rujuk Moreland (1934) dan Robson (2000).
- 12 Yang kebetulannya sedang mengunjungi Belanda untuk menggadaikan alat kebesaran di-raja Inggeris bagi membayar hutang King James I (1566-1625).
- 13 Lihat Oo.7.52 'Catalogus Librorum quos habet Bibliotheca Publica Academ. Cantabrig'.
- 14 Beliau kemudiannya menjadi tokoh ilmuwan bahasa Indonesia dan Melayu yang bergiat di dalam bidang ini sehingga ke pertengahan abad ke-20. Untuk riwayat hidup dan karya-karya van Ronkel, sila lihat Vogel & Winstedt (1954).
- 15 Untuk biografi penuh Wilkinson, sila lihat Gullick (2001).
- 16 Sebenarnya 15 naskhah dibeli secara borong pada 1910, 1 naskhah dibeli kemudian pada 1911.
- 17 Antaranya ialah dua warkah (CUL Or. 2193) yang dikirimkan Sultan Muhammad Jiwa Muazzam Shah Kedah Darul Aman (1723-1778) kepada Captain Francis Light (1740-1794). Sila lihat Jones (1981).
- 18 Untuk edisi barunya, sila lihat Burns (1971).
- 19 Untuk biografi Skeat, sila lihat Gullick (1988).
- 20 Wilkinson sebenarnya telah memberikan 61 manuskrip pada masa itu, bukannya 63. Dua manuskrip lagi dijanjikannya, tetapi beliau kemudian telah memberikan 4 manuskrip pula kepada CUL. Sila lihat perbincangan di bawah.
- 21 Mengenai manuskrip ini, sila lihat Jelani (2013; 2015).
- 22 Senarai penuhnya diberikan dalam kamus beliau. Sila lihat Wilkinson (1932:659-662).
- 23 Sarjana Belanda ini nampaknya kurang senang dengan pengembangan koleksi Melayu di Great Britain. Kajian Melayu pada ketika itu lebih berkiblatkan ke arah Belanda daripada Great Britain. Tidak menghairankanlah bahawa sebarang saingan terhadap kedudukannya kurang disambut baik oleh mereka yang berkepentingan untuk menjaga *status quo* ini.
- 24 Untuk edisi barunya, sila lihat Ricklefs, Voorhoeve & Gallop (2014).
- 25 Naskhah *Misa Melayu* salinan di-Raja di CUL (Or. 832) hanya diteliti pada tahun 2010an. Sila lihat Jelani (2013:2015).
- 26 Bagi kajian kepustakaan terkini tajuk ini, sila lihat Abu Talib (2016:37-40).

- 27 Tidak mustahil jika jumlah ini bertambah di masa hadapan bila naskhah dan salinan lain muncul atau menjelma kembali.
- 28 Hubungan kait antara kesemua bahan yang disenaraikan di bawah ini amat rumit dan mengelirukan, dan usaha sedang dibuat untuk meleraikan kekusutannya.
- 29 Manuskrip ini diberikan *sigla* 'Naskhah B' oleh Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (1992:8-10).
- 30 Mikrofilem ini diberikan *sigla* 'Naskhah A' oleh Kalthum (1986:iii-v) dan Naskhah 'C' oleh Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (1992:8-10).
- 31 Naskhah ini dan yang berikutnya telah diberikan nombor katalog yang sama di dalam sistem perpustakaan UM. Ia seringkali dikelirukan dengan naskhah di PPZ UM.
- 32 Sila rujuk catatan di atas. Naskhah ini seringkali dikelirukan dengan naskhah di Perpustakaan Utama UM.
- 33 Mikrofilem ini agak sukar untuk dirujuk di tempat simpanannya pada masa ini (2017), iaitu di Pusat Dokumentasi Melayu (DBP), kerana kekurangan mesin pengimbas yang boleh digunakan untuk membacanya. Ini disebabkan kerosakan yang seringkali terjadi akibat kelapukan dan kehilangan peralatan, misalnya kanta pembesar, dari mesin-mesin pengimbas yang sedia ada. Kakitangan dan pustakawan di pusat rujukan ini juga tidak begitu tahu cara bagaimana untuk menggunakan mesin-mesin ini. Hanya satu-dua 'orang lama' di situ sahaja yang tahu kaedah untuk mengendalikannya.
- 34 Torak mikrofilem ini sudah tidak boleh dirujuk lagi kerana gelung filemnya sudah mula reput sehingga mengeluarkan bau cuka yang kurang menyenangkan dan berbahaya kepada kesihatan. Mikrofilem ini juga amat sukar untuk dicari di Pusat Dokumentasi Melayu (DBP), kerana ketiadaan katalog atau inventori yang lengkap mahupun yang sudah dikemaskinikan.
- 35 Mikrofilem ini mengalami masalah sama seperti (7). Kecuaian dalam penjagaan koleksi mikrofilem di dalam bilik stor Pusat Dokumentasi Melayu (DBP) amat mendukacitakan.
- 36 Hampir 1/3 bahagian akhir naskhah contoh *Hikayat Pahang* yang dirakamkan di dalam mikrofilem ini tidak disalinkan ke dalamnya.
- 37 Mikrofilem ini nampaknya mengandungi sebuah salinan awal naskhah (2). Kajian terperinci mengenai hubung-kaitnya dengan naskhah-naskhah *Hikayat Pahang* yang lain sedang dilaksanakan.
- 38 Naskhah ini merupakan salinan fotokopi naskhah (2) yang kini tersimpan di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang Darul Makmur, sahaja. Tetapi tanpa memberikan sebab munasabah mengapa ia perlu ditakrifkan sedemikian, pihak ANM tidak membenarkan sesiapa untuk merujuknya dengan alasan bahawa ianya adalah bahan 'Sulit', walaupun buat beberapa ketika dahulu, ianya boleh dipohon dan dirujuk secara terbuka. Naskhah ini juga kini tidak akan muncul bila ia dicari di dalam pangkalan data rujukan awam ANM, iaitu KOMPAS atau OFA, kerana ia telah disembunyikan daripadanya dan hanya disenaraikan di dalam pangkalan data akses kakitangannya sahaja. 'Pemadaman' maklumat mengenai kewujudan naskhah ini di ANM daripada pengetahuan khalayak umum merupakan satu kerugian besar kepada para pengkaji *Hikayat Pahang*, lebih-lebih lagi kepada mereka yang ingin merujuknya di masa hadapan.
- 39 Naskhah ini dipercayai telah dipinjamkan kepada pihak istana Pahang atas permintaan mereka untuk digunakan sebagai bahan rujukan bagi penulisan buku cenderamata '*Singgahsana Negeri Pahang: Selamat Jubli Perak Sultan Pahang (1932-1957)*' (Mohamed Mokhtar 1957), dan dikatakan masih belum dipulangkan sehingga sekarang. Usaha untuk mencarinya sedang dilaksanakan. Adakah naskhah ini merupakan naskhah yang terakam di dalam UM Mikrofilem 937, iaitu naskhah (3)? Jika tidak, ianya bererti bahawa satu lagi naskhah, iaitu 'Naskhah Asal kepada UM Mikrofilem 937', perlu ditambahkan ke dalam senarai di atas ini nanti.
- 40 Naskhah ini mungkin merupakan salinan pendua kepada naskhah (19) yang kini sudah hilang.
- 41 Naskhah inilah yang diberikan *sigla* 'Naskhah B' oleh Kalthum (1986:iii-v) dan 'Naskhah A' oleh Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (1992:8-9). Kali terakhir naskhah ANM ini dilihat ialah pada sekitar tahun awal 1990an, iaitu menurut catatan Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (1992:6-10). Walaupun naskhah ini dipercayai masih berada di dalam simpanan gedung ANM, tetapi ianya sudah hilang dan tidak dapat dikesan pada ketika ini (2017).
- 42 Naskhah ini mungkin masih berada di dalam simpanan waris-waris beliau. Ia merupakan naskhah yang tidak lengkap kerana ianya kehilangan lima puluh halaman awalnya (Linehan 1926:338 nota kaki 2).
- 43 Naskhah ini mungkin merupakan salinan contoh/asal bagi naskhah (19) yang kini sudah hilang.
- 44 Salinan imbas naskhah ini boleh dirujuk secara atas talian di laman web Pustaka Digital Manuskrip Melayu (MyManuskrip) melalui pautan <http://mymanuskrip.fsktm.um.edu.my/>. Pautan ini kadangkalanya berfungsi dan kebanyakan masanya tidak (Diakses 2017).
- 45 Rekod asal mengenai mikrofilem ini tidak dapat dikesan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya. Ia mungkin wujud di dalam fail-fail lama mereka, tetapi kebenaran untuk merujuknya masih belum diberikan pihak berkenaan.
- 46 Sir William Hood Treacher (1849-1919); Setiausaha Jajahan Labuan (1873), Gabenor Pertama Borneo Utara (1881-1887), Residen Selangor (1892-1896), Residen Perak (1896-1902), Residen-Jeneral Kedua Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (FMS) (1901-1904). Beliau juga telah giat menulis makalah-makalah ilmiah mengenai sejarah Brunei Darussalam dan Borneo Utara.
- 47 Petikan keterangan yang diberikan pada halaman 18 di dalam *List of Malay Manuscripts and Printed Books presented to the University Library Cambridge, by R.J. Wilkinson. November 1900*.
- 48 Atau lebih tepat lagi 217 muka surat, kerana Ricklefs & Voorhoeve tersilap mengira bahagian yang bernombor pada manuskrip ini. Lihat perbincangan di atas.

## RUJUKAN

- Abu Talib Ahmad. 2016. Pahang State History: A Review of the Published Literature and Existing Gaps. *Kemanusiaan* 23(1):35-64.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript: a 16<sup>th</sup> Century Malay Translation of the Aqid of al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Ali Ahmad. 1999. *Kisah-Kisah Nabi Yusuf dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bertrand, R. 2013. The Making of a 'Malay Text': Peter Floris, Erpenius, and Textual Transmission in and out of the Malay World at the Turn of the 17<sup>th</sup> Century. *Quaderni Storici* 142(58-1 April): 141-165.
- Brakel, L.F. 1975. *The Hikayat Muhammad Hanafiyah*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Browne, E.G. 1896. *A Catalogue of the Persian Manuscripts in the Library of the University of Cambridge*. Cambridge: Cambridge University Press.
- \_\_\_\_\_. 1922. *A Supplementary Hand-List of the Muhammad Manuscripts, including all those written in the Arabic character, preserved in the libraries of the University and Colleges of Cambridge*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Burns, P.L. (ed.). 1971. *Papers on Malay Subjects edited by R. J. Wilkinson*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Dalby, A. 1988. A Dictionary of Oriental Collections in Cambridge University Library. *Transactions of the Cambridge Bibliographical Society* 9(3):248-280.
- Farouk Yahya. 2016. *Magic and Divination in Malay Illustrated Manuscripts*. Leiden: E.J. Brill.
- Fox, P., Jenkins, B. & Warrior, J. (ed.). 2010. *A journey around the world mind*. Cambridge: Cambridge University Library.
- Gibson-Hill, C.A. 1953. The Dutch-Malay Word-list of Peter Floris. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 26(1):204-206.
- Grinter, A., Jones, R., Kratz, U. & Rujati Mulyadi. 1979. Five undescribed Malay manuscripts in Cambridge: A Preliminary Note. *Indonesia Circle* 18:29-32.
- Gullick, J.M. 1988. W. W. Skeat and Malay Ethnography: An Appreciation. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 51(1):117-152.
- \_\_\_\_\_. 2001. Richard James Wilkinson (1867-1941): A Man of Parts. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 74(1):19-42.
- Jelani Harun. 2013. Sebuah versi baru Hikayat Misa Melayu berdasarkan MS Or. 832 di Cambridge University Library. *IMAN* 1(1):3-17.
- \_\_\_\_\_. 2015. *Hikayat Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Jones, R. 1979. Six undescribed Malay Manuscripts: A Preliminary Note. *Indonesia Circle* 19:26-32.
- \_\_\_\_\_. 1981. Two Malay letters written by Sultan Muhammad Jiwa Muazzam Syah of Kedah to Captain Francis Light. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 54(3):24-34.
- Kalthum Jeran. 1986. *Hikayat Pahang*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Linehan, W. 1926. The Bendaharas of Pahang. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 4(3):334-338.
- Mahayudin Haji Yahaya. 2000. *Karya Klasik Melayu-Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- McKitterick, D. 1986. *Cambridge University Library: A History - the Eighteenth and Nineteenth Centuries*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mohamed Mokhtar Haji Mohamed Daud. 1957. *Singgahsana Negeri Pahang: Selamat Jubli Perak Sultan Pahang (1932-1957)*. Pekan: Othman Brothers.
- Mohamed Taib Osman. 1972. Laporan: Naskah2 dan Alatan2 budaya Melayu di beberapa pusat pengajian di Great Britain dan Jerman Barat. *Nusantara* 1 (Januari):60-82.
- Moreland, W.H. 1934. *Peter Floris: His Voyage to the East-Indies in the Globe (1611-1615). The Contemporary Translation of his Journal*. London: The Hakluyt Society.
- Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath. 1992. *Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur (1800-1930)*. Kuala Lumpur: Tempo Publishing.
- Oates, J.C.T. 1974. *The Manuscripts of Thomas Erpenius*. Occasional Publication No. I, Melbourne: The Bibliographical Society of Australia & New Zealand.
- \_\_\_\_\_. 1986. *Cambridge University Library: A History from the Beginnings to the Copyright Act of Queen Anne*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Proudfoot, I. 1993. *Early Malay Printed Books*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Proudfoot, I, Dalby, A. & Ibrahim Ismail. 1984. *Malay Lithographs collected by T.J. Chamberlain*, senarai tidak bercetak, 1-10.
- Report of the Library Syndicate on a donation of Malay Manuscripts and Printed Books. 1900, Cambridge University Reporter, 13 November 1900:200.
- Ricklefs, M.C. & Voorhoeve, P. 1977. *Indonesian Manuscripts in Great Britain*. Oxford: Oxford University Press.
- \_\_\_\_\_. 1982. Indonesian Manuscripts in Great Britain: Addenda et Corrigenda. *Bulletin of the School of Oriental & African Studies*. 45:300-322.
- Ricklefs, M.C, Voorhoeve, P. & Gallop, A.T. 2014. *Indonesian Manuscripts in Great Britain. New Edition with Addenda et Corrigenda. Naskah dan Dokumen Nusantara Seri XXXIII*. Jakarta: Ecole Francaise d'Extreme-Orient, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Riddell, P.G. 2001. *Islam and the Malay-Indonesian World: Transmission and Responses*. Honolulu: The University of Hawaii Press.
- \_\_\_\_\_. 2015. Three Pioneering Malay Works of Quranic Exegesis: A Comparative Study. Dalam Pratt, D. et.al. (ed.). *The Character of Christian-Muslim Encounter: Essays in Honour of David Thomas*, 309-325. Leiden: E.J. Brill.
- Robson, S. 2000. Peter Floris (alias Pieter Willemsz), Merchant and ... Student of Malay. *Songklanakarinn Journal of Social Sciences and Humanities* 6(1):89-95.
- Sayle, C. 1916. *Annals of Cambridge University Library*. Cambridge: Cambridge University Library.
- Siti Zariah Saring. 1999. *Hikayat Peranakan Pahang sebagai sebuah karya sastera sejarah*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Van Ronkel, Ph.S. 1896. Account of Six Malay Manuscripts of the Cambridge University Library. *Bijdragen tot de Taal-, Land-, en Volkenkunde van het Koninklijk Instituut*. 46:1-53.
- \_\_\_\_\_. 1925. Bericht aangaande de jongste aanwinst van Maleische Handschriften in het Buitenland (Cambridge). *Mededeelingen der Koninklijke Akademie van Wetenschappen, Afdeeling Letterkunde* 59 (A-3):183-197.
- Vogel, J.P. & Winstedt, R.O. 1954. Obituary: Dr. Philippus Samuel van Ronke. *Journal of the Royal Asiatic Society of Great Britain & Ireland (New Series)* 86(3-4):201-202.

Wilkinson, R.J. 1902. *Malay-English Dictionary*. Singapore: Kelly & Walsh.  
———. 1932. *A Malay-English Dictionary (Romanised) Part I (A-K) & Part II (L-Z)*. Mytilene: Salavopoulos & Kinderlis.

Wilkinson, R.J. & Winstedt, R.O. 1934. A History of Perak. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. 12(1):1-226.

Yaakub Isa. 2010. *Citra Pahang dalam Teks Klasik*. Pekan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.

Raimy Ché-Ross  
GPO Box 1622  
Canberra ACT 2601  
Australia  
E-mel: raimy.che.ross@siswa.um.edu.my

Zahir Ahmad  
Jabatan Kesusasteraan Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur  
Malaysia  
E-mel: zahir@um.edu.my

Mohd. Taufik Arridzo Ahmad Balwi  
Jabatan Kesusasteraan Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
50603, Kuala Lumpur  
Malaysia  
E-mel: taufik@um.edu.my

Diserahkan: 11 Januari 2017  
Diterima: 18 April 2017

## Lampiran 1.

Keterangan kodikologikal manuskrip *Hikayat Pahang* (CUL Or. 833) di Cambridge University Library.

<b>Nombor Katalog</b>	Or. 833.
<b>Tajuk Katalog</b>	Salasilah Pahang.
<b>Tajuk Seragam</b>	Hikayat Pahang.
<b>Jilidan</b>	Jilidan suku (quarter binding) kulit kadbod tebal bersalut kertas marmar hitam dan putih yang mengandungi kertas kajang berbentuk buku lebar perniagaan awal kurun ke-20. Keseluruhannya kelihatan agak lusuh dan comot. Kulit luar bahagian hadapannya (yakni kulit luar bahagian belakang naskhah ini jika dipandang secara lazim) telah ditampalkan dengan sebuah pelekat kertas besar berwarna putih dengan bingkai berwarna merah dan hitam. Perkataan 'Hikayat' telah ditulis pada bahagian atas pelekat ini dengan menggunakan dakwat hitam yang setinta dengan dakwat hitam yang digunakan bagi menyalin teks di dalamnya, dan dengan gaya tulisan yang sama seperti yang terkandung di dalamnya juga. Tetapi ruang di bawahnya telah dibiarkan kosong. Seorang pencatat lain kemudiannya telah menambahkan tajuk; 'History of Pahang' dengan tulisan pensel pada ruang kosong ini. Pelekat kertas kecil bertulis 'Pahang', 'Or. 833' & '13' di dalam sebuah lingkaran bulatan, semuanya berdakwat hitam, telah ditampalkan pada bahagian jilidan luar tulang belakangnya (outer spine).
<b>Ukuran Naskhah</b>	326 x 200 x 20 mm.
<b>Tarikh</b>	Tiada tarikh, tetapi <i>terminus ante quem</i> ca. 1901-1904, yakni sewaktu Treacher memegang jawatannya sebagai Resident General of the Federated Malay States (FMS) (lihat perbincangan di atas).
<b>Kertas</b>	Kertas kajang putih stok lebar yang licin dan nipis, dengan cetakan garisan biru yang melintang dan merah yang menegak pada setiap halamannya bagi merakamkan catatan perakaunan. Keseluruhan kertasnya telah pudar kepada warna keperang-perangan. Kertasnya pula masih utuh dan kental, tetapi sudah mula rapuh di beberapa folio. Kerja-kerja konservasi patut dilaksanakan dengan segera bagi memelihara naskhah ini daripada terus melapuk dan berkecai. Bahagian pinggiran luar (foredge) kertasnya diselaputi warna merah pekat.
<b>Ukuran Kertas</b>	328 x 204 mm.
<b>Cap Tera Air</b>	Tiada.
<b>Halaman &amp; Kuras</b>	65 folio, yang memberikan 130 muka surat tanpa bernombor: iii + 1v-126r + i.
<b>Nama Penyalin</b>	Tidak diberikan, tetapi si penyalinnya memaklumkan bahawa beliau adalah seorang 'Peranakan Pahang' (lihat 'Kata Penamat' di bawah). Aruna Gopinath & Muhammad Yusoff Hashim (1992) serta Jelani (2003:81-83) telah mengutarakan pendapat mereka bahawa pengarang dan penyalin asal <i>Hikayat Pahang</i> ialah Haji Muhammad Noor bin Haji Abdul Hamid, salah seorang pahlawan dan orang besar kepercayaan Sultan Ahmad Shah Pahang Darul Makmur, yang juga pernah menjadi Setiausaha Sulit dan Penasihat Peribadi kepada baginda.
<b>Gaya Khat</b>	Khat Thuluth Melayu amat kemas dan mahir, dengan tulisan jelas, teratur dan senang dibaca, oleh penulis/penyalin yang sama bagi keseluruhan isi kandungan utamanya. Teksnya dibahagikan kepada perenggan-perenggan yang kemas dan tuntas, dengan setiap perenggan permulaan bagi bab-bab barunya diberikan ruang luas (dengan langkauan kira-kira 3-5 baris) daripada perenggan sebelumnya, berbanding dengan langkauan kira-kira 1-2 baris bagi perenggan-perenggan di dalam sebuah bab. Kadangkalanya bahagian-bahagian penting di dalam sesebuah bab juga diberikan langkauan baris yang luas, sehingga memberikan kesan visual bahawa naskhah ini tidak lengkap atau mempunyai ruang yang tidak bertulis. Namun begitu, naskhah ini adalah lengkap sepenuhnya, dengan beberapa penambahan yang diberikan pada bahagian jidar luar dan dalam pada halaman mukasurat-mukasurat berkenaan, misalnya perenggan panjang pada jidar kanan f. 105v.
<b>Dakwat</b>	Dakwat hitam pekat.
<b>Bahagian Bertulis</b>	250 x 136 mm.
<b>Mistar</b>	Tiada. Tulisannya diturunkan pada garisan yang siap tercetak di dalam buku lebar ini.
<b>Bilangan Baris</b>	31 baris pada 1v-2r, had maksima 30-31 baris pada 3v-125v, 24 baris pada 126r.
<b>Kata Penamat</b>	'Telah selesai fakir mengarangkan / hikayat ini, iaitu peranakan Pahang'.
<b>Hiasan</b>	Tiada.

<b>Catatan</b>	f. 46r mengandungi sebuah catatan ringkas yang telah dimasukkan oleh seorang penulis lain, dengan menggunakan dakwat hitam yang lebih nipis daripada dakwat hitam yang digunakan pada bahagian lain manuskrip ini dan yang kini sudah kelihatan agak pudar, yang memaklumkan bahawa dalam pertempuran Perang Kanching; ‘Khatib Bahrain [perkataan tak jelas] orang sangat beraninya’. Catatan ini telah dicoret dengan pantas sehingga mengakibatkan beberapa perkataannya sukar untuk dibaca.
<b>Cap Milikan</b>	Sebuah cap mohor berbentuk segi empat tepat kecil dan padat yang bertulis ‘UNIVERSITY LIBRARY CAMBRIDGE’ telah dicapkan pada beberapa halaman naskhah ini dengan menggunakan dakwat berwarna merah.
<b>Pemerhatian</b>	Bahagian atas di dalam kulit hadapannya tertera tandatangan ‘W. Treacher’, yang telah ditulis dengan menggunakan pensel berwarna merah. Di bawah tandatangan ini pula tertampal pelekat hak milik buku (bookplate) bercetak Wilkinson yang mengandungi catatan berikut: ‘Presented to / The University Library / Cambridge / by / R.J. WILKINSON, Esq. / November 1900 1910’, yang dilingkari bingkai segi empat tepat nipis berwarna hitam.
<b>Sejarah Pemilikan</b>	Daripada Koleksi Wilkinson. Salah-satu daripada empat naskhah yang didermakan beliau kepada CUL pada tahun 1910, iaitu daripada kelompok sumbangan derma keduanya kepada CUL.
<b>Daftar Rujukan</b>	Mohamed Taib (1972:76), Ricklefs & Voorhoeve (1977:119), Ricklefs, Voorhoeve & Gallop (2014:119), Kalthum Jeran (1986), Muhammad Yusoff Hashim & Aruna Gopinath (1992), Jelani (2003), Abu Talib Ahmad (2016).

<b>Tarikh Perolehan</b>	<b>Bekas Pemilik / Sumber-Sumber Asal</b>	<b>Manuskrip (Menurut Jumlah Naskhah)</b>	<b>Buku Nadir (Menurut jumlah Tajuk)</b>
1632	Peter Floris (ca.1575-1615)   Thomas Erpenius (1584-1624)   George Villiers, Duke of Buckingham (1592-1628)	5	
1715	John Moore, Bishop of Ely (1646-1714)   King George I (1660-1727)	1	
1895	Robert Lubbock Bensly (1831-1893)	1	
1900	Richard James Wilkinson (1867-1941)	61	81
1905	Messrs. B. Jolley & Sons	6	
1910	Richard James Wilkinson (1867-1941)	4	
1910	Major Tankerville James Chamberlayne (1844-1909)   Gustave David (1860-1936)	15	42
1911	Major Tankerville James Chamberlayne (1844-1909)   Gustave David (1860-1936)	1	
1925	Walter Sibbald Addie (1878-1932)	1	
1926	Chauncey Percy Tietjens Winckworth (1896-1954)	1	
1933	Sir James George Scott (1851-1935)	1	3
1943	Major Robert Grenville Gayer-Anderson (1881-1945) & Colonel Thomas Gayer-Anderson Pasha (1881-1960)	1	
1958	Edward Granville Browne (1862-1926)	3	
1958	Luzac & Co.	1	
1976	Messrs. Adab Books of Durham	2	
1976	Bristol Baptist College   Thornton & Co. Oxford	2	
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>106</b>	<b>123</b>

RAJAH 1. Tarikh perolehan manuskrip dan buku nadir Melayu yang tersimpan di Cambridge University Library.

1919. See Taib bin Osman, 1972, p. 76.	Or.
<b>Or. 833</b> Historical (chiefly genealogical) notes about Pahang. The last date mentioned is A.H. 1302 [A.D. 1885]. Written by a <i>pěranakan Pahang</i> . Copied from a MS of 216 pp. 65 ff. Cash-book paper, 32.5 × 20 cm. Donated by R. J. Wilkinson, 1910. See Taib bin Osman, 1972, p. 76.	<i>Hika</i> Char 1873 comi the c more 'Pro 20'5 See
<b>Or. 834</b> <i>Hikayat Raja Iskandar</i> . Dated A.H. 1322/A.D.	Or.

RAJAH 2. Daftar masukan CUL Or. 833 *Hikayat Pahang* dalam katalog Ricklefs & Voorhoeve (1977:119) dan Ricklefs, Voorhoeve & Gallop (2014:119). Sila bandingkan dengan maklumat dan keterangan yang disampaikan di dalam Lampiran 1.